



# KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

# SIARAN MEDIA

MOD.100/2/1/2 JLD 5 (160) 02/01

## LAWATAN PASCA BANJIR PERINGKAT NEGERI KELANTAN

**Kelantan, 11 Januari 2024 - YB Adly bin Zahari, Timbalan Menteri Pertahanan hari ini telah melaksanakan Lawatan Pasca Banjir peringkat Negeri Kelantan diiringi YBrs Mej. Jen. Zambery Jefry bin Haji Darus, Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV). Program ini merupakan salah satu manifestasi Kementerian Pertahanan dalam menjaga kebajikan warga pertahanan yang merangkumi anggota dan veteran ATM dalam memastikan agenda kebajikan warga sentiasa diutamakan.**

Dalam program kali ini, YB Adly telah menyantuni dan menyampaikan sumbangan kotak makanan kepada **49 anggota dari 8 Briged di Kem Pengkalan Chepa** yang terjejas akibat bencana banjir. Dalam lawatan tersebut, beliau turut menzahirkan penghargaan kepada Panglima dan warga 8 Briged di atas komitmen, dedikasi serta kesiagaan dalam melaksanakan tugas sekunder membantu pihak berkuasa awam menangani situasi bencana banjir di Negeri Kelantan dan Terengganu.

Program diteruskan dengan lawatan kebajikan ke rumah Veteran ATM yang uzur dan terjejas akibat bencana banjir. Disamping bertanya khabar, YB Adly turut menyampaikan sumbangan kotak makanan kepada Veteran.

Pada program kali ini, lawatan kebajikan telah dibuat ke atas **5 orang Veteran ATM** iaitu Encik Mohamad Yusoff bin Salleh yang berusia 71 tahun dan merupakan Veteran yang menghidap penyakit darah tinggi. Veteran kedua yang disantuni ialah Encik Suzuki bin Ilias yang berusia 64 tahun dan menghidap penyakit *Chronic Obstructive Pulmonary Disease (COPD)*. Seterusnya, lawatan kepada Veteran Abdul Aziz bin Ramli yang berusia 63 tahun dan menghidapi penyakit kencing manis. Lawatan keempat iaitu Veteran Kamaruzaman bin Othman yang berusia 59 tahun yang telah dipindahkan ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) akibat kediaman beliau terjejas dengan banjir. Lawatan kebajikan juga dijalankan kepada Veteran Awang Soh bin Awang Noh yang berusia 72 tahun dan menghidapi sakit tua.

Skim Bantuan Kebajikan JHEV ATM merupakan program bantuan kewangan bagi menjaga kebajikan Veteran ATM dan tanggungan mereka yang berkelayakan agar dapat memperbaiki dan menjalani kehidupan yang lebih selesa. Terdapat 5 skim iaitu Bantuan Sara Hidup, Bantuan Persekolahan, Bantuan Kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi, Bantuan Peralatan Pesakit dan Bantuan Bencana Alam. Pada tahun 2023, seramai 33,042 Veteran ATM telah menerima manfaat skim kebajikan JHEV ATM dengan jumlah bantuan keseluruhan bernilai RM 62,570,474.35.

Impak positif berjaya direalisasikan daripada inisiatif Program Peduli Veteran dalam memastikan agenda kebijakan dan kesejahteraan Veteran ATM terus terbela dan sentiasa terpelihara sejajar dengan jasa bakti dan pengorbanan dalam memelihara kedaulatan negara. Program Peduli Veteran di seluruh negara akan diteruskan dengan sasaran sekurang-kurangnya sebanyak 800 program dilaksanakan setiap tahun bagi memastikan semua Veteran ATM di seluruh negara dapat menikmati bantuan dan kemudahan yang disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM. Justeru, Kementerian Pertahanan beriltizam untuk terus komited dalam mempertingkatkan lagi Program Peduli Veteran melalui siri lawatan kebijakan yang akan datang agar tiada Veteran ATM yang terpinggir daripada menerima insentif yang disediakan.

Program lawatan ini turut diiringi oleh Pengarah JHEV ATM Cawangan Negeri Kelantan dan wakil persatuan-persatuan Veteran sekitar Kelantan.

-TAMAT-

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”**

---

**Kementerian Pertahanan Malaysia**  
**11 Januari 2023**